

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR
KAWASAN : BATU GAJAH
TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 56

SOALAN:

YB. TUAN V. SIVAKUMAR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Skim Keutamaan Tarif Samarata telah meningkatkan perdagangan di Malaysia. Adakah skim ini membawa manfaat kepada Malaysia jika dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain di bawah AFTA.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. Ketua-ketua Negara ASEAN secara sebulat suara telah bersetuju untuk menubuhkan AFTA pada tahun 1992 dengan berlandaskan kepada tiga objektif utama. Pertama, mewujudkan sebuah pasaran tunggal integrasi bagi rantau ASEAN, kedua, meningkatkan daya-saing ASEAN sebagai pusat pengeluaran global dan ketiga meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

2. Berdasarkan kepada tiga objektif utama tersebut, maka ASEAN telah mengambil langkah permulaan dengan mengurangkan dan memansuhkan duti import secara berperingkat mulai 1 Januari 1993 melalui Skim Keutamaan Tarif Samarata atau dengan izin, *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT). Pendekatan pengurangan dan pemansuhan duti secara berperingkat ini dilaksanakan bagi membolehkan industri-industri tempatan membuat pengubahsuaian supaya dapat berdaya saing apabila duti import diliberalisasikan sepenuhnya.

3. Mulai 1 Januari 2010, Skim CEPT dengan rasminya telah digantikan dengan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN atau *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA). ASEAN 6 (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) telah memansuhkan 99.20 peratus duti import di bawah AFTA. Negara Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam pula telah memansuhkan duti import sebanyak 72.57 peratus daripada keseluruhan baris tarif sehingga 31 Disember 2013. Negara-negara ini akan memansuhkan duti import keatas semua produk pada 1 Januari 2015. Fleksibiliti pengecualian diberi ke atas 7 peratus baris tariff untuk diliberalisasikan sehingga tahun 2018.

4. Impak AFTA adalah amat positif bagi Malaysia. Melalui AFTA, ia telah membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia termasuk enterpris kecil dan sederhana untuk menembusi pasaran ASEAN dengan lebih selesa melalui pengurangan dan pemansuhan duti import. ASEAN merupakan rakan dagang utama Malaysia. Mengimbas kepada angka perdagangan pada tahun 1992, iaitu satu tahun sebelum pelaksanaan AFTA dan Skim CEPT, perdagangan negara dengan

negara ASEAN hanya pada kadar RM52.04 bilion. Kesan positif daripada pelaksanaan Skim CEPT di bawah AFTA telah dirasai secara langsung pada tahun 1993 di mana Malaysia telah mencatatkan peningkatan perdagangan sebanyak 11 peratus kepada RM57.93 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah eksport negara adalah pada kadar RM34.39 bilion. Walaupun ASEAN tidak terkecuali dari mengalami krisis dan kemurungan ekonomi yang agak teruk, rantau ASEAN sedikit sebanyak dapat menangani masalah tersebut kerana pada puratanya, perdagangan intra-ASEAN adalah pada kadar 25-27 peratus setahun.

5. Peralihan daripada Skim CEPT kepada Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) pada tahun 2010 telah menggambarkan bahawa integrasi ekonomi ASEAN semakin diperkukuh dan diperdalamkan. Pada tahun 2010, Malaysia telah mencatatkan RM305.93 bilion jumlah dagangan dengan ASEAN. Prestasi baik ini juga telah berjaya dikekalkan di mana negara telah berjaya melonjakkan jumlah dagangan kepada RM374.71 bilion pada tahun 2013. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Negara-negara ASEAN mewakili 27.4 peratus daripada jumlah dagangan global bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada tahun 2012. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM201.8 billion, peningkatan sebanyak 7.2 peratus daripada tahun 2012, manakala import adalah sebanyak RM172.9 bilion, peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding tahun 2012.